

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Analisis perbualan adalah satu bidang kajian yang baru berkembang di dalam kajian bahasa di Malaysia. Berdasarkan penelitian penulis, buku dan tesis yang bersandarkan pada analisis perbualan banyak ditemui terutamanya pada akhir tahun 1990an. Keadaan yang sama dapat dilihat di dalam kajian analisis perbualan bahasa Jepun.

Di dalam kajian ini, penulis akan mengkaji corak dan ciri-ciri perbualan bahasa Jepun oleh penutur asli bahasa Jepun melalui rakaman rancangan televisyen. Saluran televisyen yang dipilih adalah saluran awam Jepun iaitu NHK (*Nihon Hoso Kyokai*), melalui rancangan diskusi di antara pemimpin parti-parti politik pemerintah dan pemimpin parti-parti politik pembangkang berdasarkan perbincangan berkumpulan dan perbincangan perorangan.

Perbincangan berkumpulan adalah perbualan di antara tiga pihak iaitu melibatkan seorang pengurus, beberapa orang pemimpin parti-parti kerajaan dan beberapa orang pemimpin parti-parti pembangkang. Perbincangan perorangan pula adalah perbualan di antara dua pihak iaitu melibatkan seorang pengurus dan seorang pemimpin kerajaan atau seorang pemimpin pembangkang.

Bab ini akan membincangkan objektif kajian, limitasi, kaedah dan kepentingan kajian ini. Oleh kerana penulis menggunakan rakaman rancangan televisyen sebagai data kajian, maka pengenalan kepada rancangan televisyen tersebut juga dimuatkan di dalam bab ini. Turut dimuatkan di dalam bab ini adalah pengenalan dan latar belakang sistem politik dan pilihan raya negara Jepun kerana perbincangan ini melibatkan isu-isu politik dan sistem pilihan raya, serta dasar-dasar kerajaan. Pengenalan kepada parti-parti politik juga penting untuk memberi gambaran sebenar peserta yang terlibat di dalam perbincangan ini.

1.2 Pandangan Sepintas Lalu Program Televisyen Jepun

Secara umumnya terdapat tujuh saluran televisyen di Jepun. Dua saluran televisyen NHK dan lima saluran swasta. Lima saluran swasta adalah Televisyen Tokyo, Televisyen Asahi, Televisyen Fuji, Televisyen TBS dan Televisyen Nihon. Selain daripada itu terdapat saluran televisyen satelit iaitu NHK Satelit 1, NHK Satelit 2 dan WOWOW.

Kesemua saluran ini memulakan siaran mereka pada pukul lima pagi dan menamatkan siaran antara pukul tiga sehingga pukul lima pagi keesokan harinya. Dengan kata lain, siaran televisyen adalah selama 22-24 jam sehari. Bahasa pengantar kesemua saluran televisyen, bagi kesemua rancangan adalah bahasa Jepun. Bagi filem-filem import, terdapat dua pilihan iaitu sama ada penonton memilih untuk menonton di dalam versi bahasa asing atau bahasa Jepun.

Berdasarkan penelitian terhadap rancangan televisyen Jepun, termasuk jadual rancangan televisyen yang diambil dari akhbar dan majalah, hari Isnin sehingga Jumaat, pada sebelah pagi televisyen swasta memaparkan rancangan variasi, terutama rancangan perbincangan yang melibatkan artis atau tetamu jemputan, yang berkisar pada fesyen, pelbagai skandal artis dan sebagainya. Pada pukul lima atau enam petang, rancangan berita pula disiarkan. Pada pukul tujuh malam pula rancangan variasi termasuk kuiz. Pada pukul lapan atau pukul sembilan disiarkan drama bersiri. Pada pukul sebelas malam pula disiarkan rencana, sukan atau variasi. Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan rancangan perbincangan adalah sangat sedikit dan ianya pula adalah berkisar tentang gosip dan berita artis serta orang-orang ternama.

Saluran NHK *Sogo* (umum) pula memuatkan pelbagai rancangan yang berupa dokumentari, drama dan berita yang membuka minda tentang dunia dan negara Jepun. Drama saluran ini bukan sahaja berkisar tentang kehidupan masyarakat pada zaman ini tetapi juga drama berdasarkan sejarah Jepun

yang bermutu tinggi. Berita disiarkan pada pukul tujuh malam, sembilan malam dan sepuluh malam.

NHK *Kyoiku* (pendidikan) pula memuatkan rancangan kanak-kanak, dokumentari, variasi dan rancangan belajar bahasa asing. Rancangan NHK Pendidikan adalah khusus untuk pelajar-pelajar dari peringkat sekolah rendah sehingga universiti, yang dapat membuka minda dan pengetahuan pelajar-pelajar ini.

Pada hari Sabtu dan Ahad, sama ada siaran swasta maupun NHK, pada waktu pagi disiarkan rancangan variasi, dokumentari dan rancangan perbincangan. Pada pukul enam petang disiarkan berita, rancangan kartun serta variasi dan pada pukul sembilan malam sehingga pukul sebelas malam adalah drama atau filem sama ada dari dalam maupun luar negeri. Pada larut malam disiarkan pula variasi dan dokumentari.

Majalah-majalah televisyen mengenai jadual siaran rancangan televisyen dijual dengan meluas di Jepun. Jadual biasanya memuatkan rancangan televisyen bagi setiap saluran selama satu bulan. Ada majalah yang memuatkan jadual untuk satu jangkamasa yang melebihi satu bulan. Penulis menggunakan *Terebi & Muubii Jouhoushi* (Majalah Informasi Televisyen & Filem), M-Telepal keluaran November dan Disember 2000 bagi meneliti format dan bentuk-bentuk rancangan yang disiarkan bagi setiap saluran televisyen di Jepun. Contoh jadual

siaran atau rancangan ini boleh dilihat di lampiran, iaitu siaran selama satu minggu yang diambil pada bulan Oktober 2000.

1.3 Pandangan Sepintas Lalu Politik Jepun

Sejarah demokrasi di Jepun bermula sebaik sahaja Perang Dunia Kedua tamat pada 15 Ogos 1945. Demokrasi di Jepun boleh dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu peringkat persediaan, peringkat kemakmuran, peringkat kematangan dan peringkat penyatuan.

Tempoh 10 tahun selepas perang dinamakan ‘Peringkat Persediaan’. Cubaan dan penderitaan yang berlaku di Jepun dan negara-negara lain menyebabkan politik Jepun berada di dalam keadaan huru-hara.

Pada 15 November 1955, Parti Liberal Demokratik (LDP) ditubuhkan dan pada masa yang sama politik Jepun sampai pada ‘Peringkat Kemakmuran’. LDP membawa negara Jepun ke arah kemakmuran dengan pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup yang kemudian membawa Jepun kepada komuniti antarabangsa yang penting. Sejarah Jepun selepas perang tidak akan dapat difahami tanpa mengetahui peranan penting yang dimainkan oleh parti itu kepada politik Jepun sehingga ke hari ini.

Politik Jepun sampai pada ‘Peringkat Matang’ pada awal 1960an. Pada tahun 1964, Sukan Olimpik diadakan di Tokyo dan konsep “*Japan as Number One*” mula diperkenalkan dan sekali gus membawa pencapaian Jepun ini kepada perhatian seluruh dunia.

Pada tahun 1992, kesan negatif “*Bubble Economy*” menyebabkan sokongan rakyat terhadap LDP merosot teruk dan pada pilihan raya umum 1993, LDP hilang majoriti dan hilang kedudukannya sebagai parti pemerintah Jepun. LDP gagal mendapatkan majoriti di dalam Dewan Perwakilan (*House of Representatives*). Selepas 38 tahun LDP memerintah, buat pertama kali kuasa jatuh ke tangan pembangkang yang membentuk kerajaan campuran, terdiri daripada Parti Komei (Lama), Parti Sosial Demokratik, Parti Pembaharuan Jepun, Parti Baru Jepun, Parti Demokratik Sosialis, Parti Sakigake Baru, Parti Persekutuan Sosial Demokratik dan Parti Demokratik Reformasi.

Walau bagaimanapun hanya selepas 11 bulan, LDP kembali menerajui kerajaan. Lapan buah parti yang membentuk kerajaan tersebut gagal menstabilkan kerajaan. Parti Sakigake Baru dan Parti Sosial Demokratik bergabung dan membentuk kerajaan baru bersama-sama dengan LDP. Peringkat ini dipanggil ‘Peringkat Penyatuan’ kerana penyatuan 3 buah parti politik bagi membentuk satu kerajaan campuran.

Pada masa kini LDP membentuk kerajaan campuran bersama-sama dengan Parti Komei Baru dan Parti Konservatif Baru di bawah pemerintahan Perdana Menteri, Koizumi Junichiro (2001~ sehingga kini).


1.3.1 Latar Belakang Penubuhan Parti Liberal Demokratik (LDP)

Pada tahun 1945, Parti Liberal ditubuhkan di bawah teraju Ichiro Hatoyama. Beberapa parti yang lain juga turut ditubuhkan pada tahun ini, kesan daripada tamatnya Perang Dunia Kedua dan sistem pemerintahan beraja. Parti-parti politik lain yang ditubuhkan termasuklah Parti Sosialis Jepun, Parti Progresif Jepun, Parti Koperatif Jepun dan Parti Komunis Jepun. Parti Koperatif Jepun bergabung dengan beberapa parti minor pada tahun 1946 membentuk Parti Demokratik Koperatif. Pada tahun 1947, Parti ini kemudiannya bergabung dengan Parti Rakyat (*People's Party*) untuk membentuk Parti Rakyat Koperatif. Pada masa yang sama Parti Progresif Jepun menukar nama kepada Parti Demokratik Jepun dan kemudiannya bergabung dengan Parti Rakyat Koperatif untuk membentuk Parti Rakyat Demokratik. Parti ini kemudiannya dibubarkan pada tahun 1952 dan membentuk sebuah parti baru, Parti Reformasi yang kemudiannya berkembang menjadi Parti Demokratik Jepun pada tahun 1954.

Pada tahun 1948, Parti Liberal Jepun bergabung dengan Kelab Demokratik untuk membentuk Parti Demokratik Liberal. Parti ini kemudiannya bergabung dengan golongan yang tidak puas hati dari Parti Demokratik Jepun dan menubuhkan Parti Liberal.

Dengan perubahan-perubahan ini, parti-parti berelemenkan liberal demokratik di Jepun terbahagi kepada dua iaitu Parti Liberal dan Parti Demokratik. Pada 15 November 1955, Parti Demokratik dan Parti Liberal bergabung dan membentuk Parti Liberal Demokratik (LDP). Rajah 1.1 menunjukkan pertukaran nama dan penggabungan parti-parti politik sehingga tertubuhnya LDP.

Pada masa itu LDP menguasai 298 kerusi di Dewan Perwakilan dan 115 kerusi di Dewan Ahli majlis. Pada masa ini LDP diterajui oleh Koizumi Junichiro, presiden ke 20 LDP.



Rajah 1.1 : Latar Belakang Penubuhan LDP

1.3.2 Latar Belakang *Diet*, Jepun

Para peserta kajian ini adalah terdiri daripada ahli *Diet*. Struktur *Diet* dan sistem pilihan raya yang diadakan di Jepun perlu dijelaskan secara ringkas. Selain daripada itu, latar belakang ringkas ini dapat membantu kita memahami ujaran yang terdapat di dalam transkripsi.

Diet (国会) adalah satu-satunya organ pembentukan undang-undang negara Jepun dan pada masa yang sama juga merupakan organ tertinggi kuasa negara, yang terbentuk dari satu majlis yang terdiri daripada ahli *Diet* yang dipilih oleh rakyat. .

Diet Jepun pertama sekali wujud pada tahun 1890 seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Meiji. Ia dikenali sebagai Kongres Agung (*Imperial Diet*) dan mempunyai dua Dewan iaitu Dewan Bangsawan (*House of Peers*) dan Dewan Perwakilan (*House of Representatives*). Ahli Dewan Bangsawan terdiri daripada kerabat diraja, bangsawan, rakyat yang membayar cukai yang tinggi dan sebagainya yang dipilih oleh Maharaja. Ahli Dewan Perwakilan pula adalah mereka yang telah diberikan hak-hak istimewa oleh Maharaja. Hanya pada tahun 1927, ahli Dewan Perwakilan dipilih berdasarkan undi kaum lelaki yang layak mengundi seperti yang ditetapkan di dalam undang-undang pilihan raya 1925.

Prinsip asas Perlembagaan Meiji adalah sistem monarki. Kuasa Kongres Agung adalah sempit dan terbatas. Di bawah Perlembagaan Meiji ini, hanya dari tahun 1910 hingga tahun 1920 muncul kabinet berparti hasil daripada perintis politik berparlimen dan amalan demokrasi, menggantikan kabinet birokrasi sebelum ini. Walau bagaimanapun, di dalam jangka masa Kongres Agung, Perdana Menteri dilantik oleh Maharaja melalui saranan negarawan. Oleh itu, semenjak dari tahun 1890 sehingga tahun 1946, kabinet bertanggungjawab kepada Maharaja dan bukan kepada *Diet*.

Selepas Perang Dunia Kedua, perlembagaan baru telah diumumkan pada 3 November 1946, dan berkuat kuasa pada 3 Mei 1947. Perlembagaan ini menyatakan bahawa kuasa tertinggi adalah menjadi hak rakyat dan Maharaja adalah simbol negara dan mendapat kedudukannya melalui hasrat rakyat. Peranan Maharaja telah dihadkan dan tidak mempunyai kuasa berkaitan pemerintahan negara. Kongres Agung yang menjadi penasihat kepada Maharaja kemudiannya digantikan dengan *National Diet* yang berfungsi sebagai organ tertinggi kuasa negara dan satu-satunya badan yang menggubal undang-undang negara.

The National Diet di Jepun terdiri daripada Dewan Perwakilan dan Dewan Ahli Majlis (*House of Councillors*). Di bawah sistem kabinet berparlimen, Perdana Menteri dipilih daripada ahli *Diet* iaitu melalui resolusi *Diet* dan majoriti menteri hendaklah dipilih daripada ahli *Diet*. Jika Dewan


Perwakilan membuat undi tidak percaya, ahli kabinet hendaklah meletakkan jawatan secara beramai-ramai atau Dewan Perwakilan dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya diadakan.

a) Dewan Perwakilan

Pada masa ini, sistem pilihan raya Dewan Perwakilan adalah kombinasi Sistem Kawasan Pengundian Tunggal (小選挙区制) dan Sistem Perwakilan Seimbang (比例代表制). Di bawah sistem ini, dari jumlah 480 orang ahli, 300 dipilih dari kawasan Pengundian Tunggal dan 180 ahli dari Perwakilan Seimbang. Kawasan pilihan raya dibahagikan kepada 11 blok pilihan raya di mana setiap blok akan diwakili oleh 6-30 orang ahli bergantung kepada saiz kawasan pilihan raya.

Pemilih akan diberi dua helai kertas undi iaitu untuk calon individu di dalam kawasan Pengundian Tunggal, dan untuk parti politik di dalam pemilihan Perwakilan Seimbang. Sistem pilihan raya ini pertama sekali digunakan pada pilihan raya umum ke 41 pada tahun 1996 dan juga pilihan raya umum ke 42 pada tahun 2000. Umur minima untuk menjadi calon adalah 25 tahun dan pengundi pula 20 tahun.

Rajah 1.2 menunjukkan kekuatan parti politik di dalam Dewan Perwakilan yang dipetik pada 30 Ogos 2002 dari <http://www.jimin.jp/jimin/english/spgd/index.html>.



Rajah 1.2 : Kekuatan Kumpulan Parti Politik Dewan Perwakilan

b) Dewan Ahli Majlis

Jumlah ahli bagi Dewan Ahli Majlis adalah seramai 252 orang; 100 orang daripadanya dipilih dari Sistem Perwakilan Seimbang dan 152 orang dipilih dari 47 Kawasan Pengundian Tunggal di mana setiap *prefecture* (県) diwakili oleh 2-8 orang ahli.


Kamus Dwibahasa (1985), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, memberi makna *Prefecture* sebagai daerah yang dikuasai atau diketuai oleh pegawai pentadbir seperti yang terdapat di negara Perancis. Namun, Hokkaido sebuah pulau di utara Jepun tidak dibahagikan kepada beberapa *prefecture* sebagaimana pulau-pulau lain. Jika Malaysia dibahagikan kepada 13 buah negeri, Jepun pula

dibahagikan kepada 45 *prefecture* dan Hokkaido yang membentuk negara Jepun. Setiap *prefecture* ini ditadbir oleh seorang Gabenor. Bagi Malaysia pula, setiap negeri di Malaysia ditadbir oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Pemilih akan diberi dua helai kertas undi, iaitu satu untuk parti politik bagi Sistem Perwakilan Seimbang dan satu lagi calon individu bagi Sistem Pengundian Tunggal. Umur minima untuk menjadi calon adalah 30 tahun manakala pengundi pula 20 tahun.

Pada tahun 2001, berdasarkan format baru bagi pemilihan Perwakilan Seimbang iaitu Format Senarai Tidak Terhad (非拘束名簿式), ahli perwakilan telah dikurangkan daripada 252 orang kepada 242 orang di mana ahli dari Perwakilan Seimbang adalah 96 orang dan ahli dari Kawasan Pengundian Tunggal adalah 146 orang dari setiap *prefecture*.

Rajah 1.3 menunjukkan kekuatan setiap kumpulan parti politik di Dewan Ahli Majlis yang dipetik pada 30 Ogos 2002 dari <http://www.jimin.jp/jimin/english/spgd/index.html>.



Rajah 1.3 : Kekuatan Kumpulan Parti Politik Dewan Ahli Majlis

1.3.3 Sistem Pengundian Tunggal dan Sistem Perwakilan Seimbang

Sistem pilihan raya yang digunakan bagi *Diet*, Jepun adalah Sistem Pengundian Tunggal dan Sistem Perwakilan Seimbang. Di dalam Sistem Pengundian Tunggal hanya seorang calon yang terpilih bagi setiap kawasan pengundian. Ini bermakna bagi 300 kawasan pengundian yang terdapat di seluruh negara, terdapat 300 orang yang dipilih. Ia pertama sekali digunakan di dalam pilihan raya umum ke 41 pada tahun 1996 bagi Dewan Perwakilan. Sebelum ini, Sistem Pengundian Pertengahan (中選挙区制) digunakan di mana di dalam satu kawasan pilihan raya beberapa orang dipilih.

Apabila Sistem Pengundian Tunggal digunakan, kawasan pilihan raya diperkecilkan dan secara automatik hanya seorang yang dipilih mewakili sesuatu kawasan. Sistem ini adalah berdasarkan calon individu, di mana pengundi memilih calon dan bukan parti politik.

Sistem Perwakilan Seimbang pula mula diterima pakai pada tahun 1983 bagi Dewan Ahli Majlis. Di bawah sistem ini, kawasan pilihan raya keseluruhannya dibahagikan kepada 11 blok. Blok pilihan raya ini adalah Hokkaido, Tohoku, Kita Kanto, Minami Kanto, Tokyo, Hokuriku, Tokai, Kinki, Chugoku, Shikoku dan Kyushu. Setiap blok mengandungi antara 6 hingga 30 kawasan pilihan raya. Sistem ini adalah berdasarkan parti politik, iaitu pengundi hanya memilih parti politik. Oleh itu, semasa pilihan raya pengundi akan memberi dua undi iaitu nama calon individu di dalam Sistem Pengundian Tunggal dan nama parti politik bagi Sistem Perwakilan Seimbang.

1.3.4 Pindaan Sistem Pilihan Raya Perwakilan Seimbang, Dewan Ahli Majlis, 2001

Isu yang hangat diperkatakan sepanjang tahun 2000 adalah pindaan sistem pilihan raya Perwakilan Seimbang bagi Dewan Ahli Majlis. Oleh kerana isu ini turut menjadi topik perbincangan utama subjek kajian tesis ini, adalah perlu untuk kita mengetahui apakah sebenarnya pindaan ini.

Semenjak tahun 1983, sistem pengundian yang digunakan bagi memilih ahli Dewan Ahli Majlis bagi Perwakilan Seimbang adalah berdasarkan format senarai terhad (拘束名簿式). Walau bagaimanapun pada tahun 2001, sistem ini telah ditukar kepada format senarai tidak terhad (非拘束名簿式).

Di dalam format senarai nama terhad, parti politik akan mengeluarkan senarai nama calon mereka bagi sesuatu kawasan pengundian. Senarai nama tersebut adalah mengikut turutan tertinggi yang telah ditetapkan oleh parti politik. Dengan kata lain, hanya pemimpin tertinggi parti politik sahaja yang memilih dan menentukan calon mereka. Apabila rakyat mengundi sesuatu parti politik, sama ada secara suka atau tidak, rakyat akan memilih calon yang mungkin mereka tidak gemari. Ini kerana rakyat hanya berhak memilih parti politik dan bukan calon pilihan raya itu sendiri kerana calon telah ditetapkan oleh parti politik.

Di dalam format senarai nama tidak terhad pula, rakyat berhak memilih kedua-dua parti politik dan sesiapa sahaja calon yang mereka suka walaupun calon tersebut bukan mewakili parti politik yang telah mereka pilih. Oleh itu, format senarai nama tidak terhad lebih memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih kedua-dua parti politik dan calon pilihan mereka sendiri.

Jumlah undi setiap parti politik akan dikira dengan mencampurkan jumlah undi bagi parti dengan jumlah undi bagi calon individu yang merupakan anggota parti tersebut. Oleh itu calon yang berjaya bukan berdasarkan senarai

yang dikeluarkan oleh sesuatu parti politik tetapi mengikut jumlah undi yang didapati daripada para pengundi.

Kebaikan dari format baru ini adalah hanya calon yang mendapat sokongan tertinggi rakyat sahaja akan berjaya di dalam pemilihan dan ini akan menepati hasrat rakyat di dalam sistem demokrasi. Kelemahan format ini pula adalah kemungkinan parti politik akan memilih wakil mereka sebagai calon dari kalangan artis seperti pelakon, penyanyi dan pelawak serta golongan terkenal lain bagi meraih undi terbanyak. Ini boleh menyebabkan calon yang tidak mempunyai dasar-dasar atau polisi yang terancang, atau calon yang membuat janji pilihan raya sewenang-wenangnya bagi mendapatkan undi dan sokongan rakyat akan terpilih.

Mengikut sistem ini, walaupun proses demokrasi berlaku dengan cara yang paling baik tetapi ia boleh merosakkan sistem pilihan raya atau sistem pemerintahan negara jika tidak diselia dengan sewajarnya oleh rakyat dan juga parti politik yang terlibat.

Selain dari itu, pindaan juga berlaku terhadap jumlah bilangan ahli Dewan Ahli Majlis di mana ia dikurangkan dari 252 kepada 242 orang. Seramai 146 orang adalah dari kawasan pengundian tunggal manakala 96 orang lagi adalah bagi perwakilan seimbang. Jika sebelum ini calon secara individu dilarang mengadakan sebarang kempen pilihan raya berdasarkan pindaan ini, bukan sahaja

parti tetapi calon bagi sesebuah parti tersebut juga berhak untuk mengadakan kempen secara terbuka kepada rakyat.

1.3.5 Isu-isu Semasa Politik Jepun

Parti politik yang menerajui Jepun pada masa ini adalah Parti Liberal Demokratik (LDP). Dua parti politik yang lain iaitu Parti Konservatif Baru dan Parti Komei Baru membentuk parti pemerintah bersama-sama dengan Parti Liberal Demokratik. Parti Komei Baru dan Parti Konservatif Baru mula menjadi rakan LDP di dalam menerajui negara Jepun sejak zaman pemerintahan Perdana Menteri, Obuchi Keizo pada tahun 1999 sehingga pada pemerintahan Koizumi Junichiro (dari tahun 2001 sehingga kini).

Parti-parti yang lain adalah parti pembangkang. Antara parti-parti pembangkang yang utama adalah Parti Demokratik dan Kelab Kebebasan Jepun, Parti Komunis Jepun, Parti Liberal, Parti Sosialis Baru dan Parti Sosial Demokratik.

Walaupun politik Jepun semenjak Perang Dunia Kedua dikuasai oleh LDP, terdapat beberapa isu yang sentiasa mendapat kritikan pedas dari rakyat dan parti pembangkang. Jenayah rasuah dan korupsi yang berlaku di dalam parti dan kerajaan sentiasa mendapat liputan meluas akhbar tempatan Jepun. Misalnya persetujuan Parti Komei Baru untuk memasuki kerajaan campuran pada asalnya adalah untuk mengatasi masalah korupsi di dalam kerajaan dan LDP. Laman

web Parti Komei Baru iaitu, <http://www.komei.or.jp/eng/about/history.htm> yang dipetik pada 1 Januari 2003 menyebut,

The state of affairs can no longer be managed by weakened LDP alone... Past anti-LDP stances by Komeito were largely based on opposition to corrupt LDP governments.

Selain dari isu rasuah dan korupsi, penentangan dilakukan terhadap polisi kerajaan di dalam menangani masalah antarabangsa. Parti Komunis Jepun, misalnya di dalam *Japanese Communist Party Central Committee 4th Plenum* (2002) membuat kritikan terhadap isu penghantaran tentera Jepun ke luar negara bagi membantu tentera Amerika Syarikat di Afghanistan dan lain-lain negara. Sikap kerajaan Jepun yang tidak berani menolak atau mengkritik Amerika Syarikat secara terbuka menjadi kemarahan parti-parti pembangkang, terutama di dalam isu Israel dan Timur Tengah.

Kabinet Perdana Menteri, Koizumi Junichiro yang bermula pada April 2001 mendapat sokongan rakyat sebanyak 80% hingga 90% di awal pemerintahannya. Menurut laman web Parti Komunis Jepun, http://www.jcp.or.jp/english/jps_weekly/2002-06-4th-Plenum.html, pada tahun 2002 keyakinan rakyat merosot sehingga undi tidak menyokong mengatasi undi yang menyokong pemerintahannya. Kemerosotan kepercayaan rakyat ini disebabkan oleh pemecatan Tanaka Makiko sebagai Menteri Luar, skandal korupsi oleh beberapa individu yang memegang jawatan tertinggi di dalam parti

dan kerajaan, serta ketidakupayaan untuk mengurus ekonomi dan polisi luar negara.

Parti Liberal pula menganggap kes korupsi yang serius yang dilakukan oleh setiausaha kepada ahli *Diet* seharusnya tidak dipandang sebagai isu kecil kerana kemungkinan ahli *Diet* ini turut terlibat di dalam jenayah rasuah adalah besar. Undang-undang jenayah seharusnya lebih diperketatkan supaya ahli *Diet* dan penglibatan mereka di dalam skandal ini dapat diselidiki sehingga ke akar umbi.

Parti Sosial Demokratik pula menggunakan slogan *wakariyasui seiji* (politik yang mudah difahami). Tanaka Makiko yang dulu menjadi tunggak sokongan rakyat terhadap LDP semasa menjadi Menteri Luar di dalam kabinet Koizumi dipuja rakyat kerana cuba membawa slogan ini (politik yang mudah difahami oleh rakyat) di dalam Kementerian Luar, sehingga menyebabkan pertembungan di antara dirinya dan pegawai-pegawai kanan kementerian. Perdana Menteri, Koizumi dikatakan tunduk kepada kuasa dan tekanan daripada puak-puak atau *habatsu* di dalam LDP dan menyebabkannya membuat keputusan untuk melucutkan jawatan Tanaka Makiko. Berita televisyen Jepun di antara April 2001 sehingga Mac 2002 menyebut tekanan daripada pemimpin politik kanan di dalam puak Hashimoto menyebabkan Koizumi memilih untuk melucutkan jawatan Tanaka Makiko.

Puak-puak di dalam LDP ini terdiri daripada puak yang menyokong pemimpin politik kanan Jepun seperti puak Hashimoto dan puak Mori (Hashimoto dan Mori, kedua-duanya bekas Perdana Menteri Jepun). Puak Hashimoto merupakan puak yang terbesar di dalam LDP dan mempunyai ramai pemimpin politik kanan sejak zaman Perang Dunia Kedua, dan puak ini mampu menggerakkan hala tuju politik Jepun dan menentukan nasib Perdana Menteri. Maklumat mengenai parti-parti politik ini boleh diperolehi melalui laman-laman web setiap parti politik seperti yang tertera pada bahagian bibliografi.

1.4 Saluran NHK

Saluran *Nihon Hoso Kyokai* atau lebih dikenali sebagai NHK beribu-pejabat di Shibuya, Tokyo dan mempunyai cawangan di seluruh negara. Saluran ini merupakan saluran awam Jepun dan dibahagikan kepada dua saluran iaitu NHK *Sogo* (umum) dan NHK *Kyoiku* (pendidikan). NHK mendapat pembiayaan dari rakyat Jepun sendiri di mana NHK memungut secara terus kutipan bayaran siaran televisyen setiap dua bulan sebanyak ¥2690 iaitu lebih kurang RM84 (¥32 yen=RM1), manakala bayaran bagi yang melanggan NHK Satelit pula adalah sebanyak ¥4580 iaitu lebih kurang RM143 bagi setiap dua bulan. Bayaran ini dikenakan ke atas setiap rumah yang memiliki televisyen. Oleh kerana itu, saluran NHK tidak memaparkan sebarang iklan perniagaan dari syarikat-syarikat swasta atau kerajaan.

Oleh kerana saluran NHK tidak bermotifkan keuntungan, banyak rancangannya membuka minda dan berpengetahuan serta hanya sedikit rancangan hiburan. Rancangan hiburan pula kebanyakannya adalah rancangan yang memaparkan lagu-lagu tradisi (seperti *enka*), serta persembahan dan lakonan pentas tradisional yang jarang mendapat perhatian daripada generasi muda.

Kadar tontonan yang tinggi di NHK adalah drama-drama Jepun kerana bermutu tinggi sama ada drama moden atau tradisional, dan juga rancangan pada sehari sebelum dan selepas tahun baru pada setiap tahun kerana memaparkan hiburan yang eksklusif seperti pertandingan nyanyian oleh ramai penyanyi lama dan baru, serta penyanyi lagu tradisional (*enka*) dan lagu masa kini. Pertandingan nyanyian ini adalah *kouhaku uta gassen* (Pertandingan nyanyian putih-merah) di mana kesemua artis dibahagikan kepada kumpulan putih dan merah dan setiap persembahan mereka akan diberi markah bagi menentukan kemenangan.

Adalah menjadi satu kebanggaan bagi artis yang dipilih mengambil bahagian di dalam rancangan ini, kerana penyertaan mereka dianggap sebagai satu pengiktirafan bagi pembabitan mereka di dalam dunia seni.

1.5 Pernyataan Masalah

Di dalam dunia global di mana dunia menjadi semakin sempit, pengetahuan mengenai cara berkomunikasi adalah penting supaya mesej yang ingin disampaikan akan lebih jelas difahami pendengar.

Di dalam komunikasi lisan, adalah agak sukar untuk mengetahui masa yang sesuai bagi mengambil giliran bercakap, terutama dengan bangsa asing. Jika seseorang tidak pandai mengambil tempat atau membawa diri di dalam perbualan dia mungkin dianggap tidak sopan, bercakap banyak atau mementingkan diri sendiri. Sebaliknya jika seseorang itu pula menyerahkan tugas bercakap hanya kepada rakan perbualan, dia mungkin dianggap sebagai seorang yang sompong, pendiam, bodoh atau disalah anggap sebagai tidak ingin menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak yang lain.

Sesiapa sahaja boleh berbual atau berkomunikasi dengan pihak lain. Namun persoalan-persoalan di atas mungkin memberikan tanggapan yang berlainan terhadap diri seseorang. Seseorang itu tidak mungkin menyedari bagaimanakah sikap, watak atau tindakannya semasa dia berbual dengan orang lain. Seseorang itu juga mungkin tidak menyedari kesan yang diterima oleh pendengar akibat ujaran atau tindakannya semasa perbualan berlangsung.

Contoh daripada data perbualan berikut menunjukkan celahan dan pertindanan yang berlaku di dalam perbualan di antara seorang pengacara (P) dan peserta (Y) di dalam perbincangan perorangan.

[Celahan yang berlaku di hujung ujaran P. Tanda koma menunjukkan celahan di mana P belum menghabiskan ujarannya. Pertindanan berlaku pada ujaran Y dan ujaran P, < > menunjukkan pertindanan. *Hai hai* membawa maksud ‘ya ya’]

P: ただ、ま、それが本会議での投票ですね、(はいはい)
行動として表れるのか、どうなのがですね、

Tada, ma, sorega honkaigideno, touhyoude desune, (hai hai) koudou toshite arawarerunoka, dounanoka desune,

Tetapi, *ma*, pengundian di mesyuarat sebenar, (*hai hai*) akan ditunjukkan melalui tindakan, atau bagaimana,

Y: < そうなんですね。> {<}

<*sounandesune.*>{<}

<Ya.>{<}

P: <それがま一問題ですわねー。> {>}

<*sorega maa mondaidesuwanee*>{>}

<Itu adalah satu masalahnya.>{>}

Y: はい、そうです。

Hai, soudesu.

Ya, benar.

Perbualan di atas menunjukkan bagaimana Y membuat celahan sebelum sempat P menghabiskan ujarannya. Tanda koma pada ujaran pertama P menunjukkan ujaran P belum selesai sepenuhnya, tetapi telah dicelah oleh Y. Celahan oleh Y menyebabkan ujaran Y dan ujaran P yang berikutnya bertindan.

Persoalan-persoalan seperti, mengapakah Y melakukan celahan sebelum P selesai bercakap, atau adakah perlakuan Y merupakan satu gangguan kepada P dan adakah pertindanan di dalam perbualan berlaku akibat celahan semata-mata merupakan permasalahan-permasalahan kajian yang harus diberi perhatian oleh pengkaji bahasa.

Persoalan yang sama timbul, jika seseorang tersilap langkah di dalam perbualan dengan memberikan maklum balas, pertanyaan dan sebagainya pada masa yang tidak sesuai. Seseorang itu mungkin sering terdedah dan berpeluang untuk berkomunikasi dengan penutur bukan Melayu atau penutur bukan rakyat Malaysia, misalnya penutur Jepun. Oleh itu sebagai ahli masyarakat, seseorang perlu menyediakan diri untuk memahami corak-corak perbualan penutur asli sesuatu bahasa asing agar komunikasi berjalan dengan lebih lancar dan untuk saling memahami antara satu sama lain.

‘*Hai*’ yang merupakan salah satu bentuk *aizuchi* atau maklum balas adalah merupakan ciri-ciri istimewa perbualan di dalam bahasa Jepun. Dan penggunaan *aizuchi* inilah yang merupakan salah satu objektif kajian penulis.

Contoh berikut menunjukkan ciri-ciri perbualan penutur asli bahasa Jepun.

[ujaran P kepada H, H memberi *aizuchi*. *Aizuchi ee, hai* dan *un* tidak diterjemahkan untuk mengelakkan kehilangan makna asalnya di dalam bahasa Jepun tetapi *ee* dan *hai* membawa maksud ‘ya’ dan *un* membawa maksud ‘hmm’]

P: ただね、(えー)あの「第八次選挙審議会」で、(はい)出ている話だと、(はい)こうおっしゃいますけれども、(うん)この10年、ほとんどこの一議論してこなかつたではないかと、急に自民党側から出されたのではないかと、これは野党側の主張ですよね。

Tadane, (ee)ano daihachiji senkyo shingikaide, (hai) deteiru hanashi dato, (hai) kou osshaimasukeredomo, (un) konojuunen, hotondo konou gironshite konakatta dewanaikato, kyuuni jimintougawakara dasaretano dewanaikato, korewa yatougawano shuchou desuyone.

Cuma, (*ee*) pada majlis mesyuarat pilihan raya ke 8, (*hai*) menurut majlis mesyuarat tersebut, (*hai*) adalah begini, (*un*) dalam sepuluh tahun ini, hampir tidak membincangkan perkara ini, secara tiba-tiba keluar dari pihak Parti Liberal Demokratik, ini adalah pendapat pihak pembangkang.

Ujaran di atas menunjukkan bahawa *aizuchi* digunakan oleh H sebanyak 4 kali. *Aizuchi* ditunjukkan dengan (), iaitu *ee* (1 kali), *hai* (2 kali) dan *un* (1 kali).

1.5.1 Hipotesis Pertama

Penulis ingin memberi hipotesis pertama bahawa kekerapan penggunaan *aizuchi* di dalam bahasa Jepun adalah sebagai satu tanda bahawa penutur kedua atau pendengar sedang mendengar ujaran penutur semasa dan secara tidak langsung memberi kebenaran kepada penutur semasa supaya meneruskan ujarannya.

Aizuchi ini bukanlah merupakan satu bentuk pengambilan giliran atau celahan. *Aizuchi* ini sebagai satu tanda bahawa orang Jepun adalah pendengar yang taat.

Aizuchi sememangnya terdapat di dalam perbualan mana-mana bahasa di dunia ini, tetapi penggunaan dan fungsinya yang begitu meluas di dalam bahasa Jepun mungkin tidak terdapat di dalam mana-mana bahasa di dunia ini. Oleh itu di dalam kajian ini perkataan *aizuchi* tidak diterjemahkan kepada perkataan bahasa Inggeris seperti *give response* atau *back channel* kerana penggunaannya yang begitu kerap dan mempunyai pelbagai fungsi, tidak seperti apa yang terdapat di dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

1.5.2 Hipotesis Kedua

Hipotesis kedua bahawa *aizuchi* bukan sekadar berfungsi sebagai pelincir perbualan semata-mata tetapi juga sebagai satu amaran oleh pendengar supaya menghentikan ujaran. Fungsi *aizuchi* sebagai amaran ini boleh diketahui melalui jenis *aizuchi* atau intonasi semasa *aizuchi* tersebut diujarkan. Darjah atau tahap ‘kefahaman’ pendengar terhadap ujaran penutur semasa juga akan berbeza mengikut jenis *aizuchi*.

1.5.3 Hipotesis Ketiga

Hipotesis ketiga bahawa orang Jepun tidak akan mengganggu atau melakukan celahan terhadap percakapan orang lain sewenang-wenangnya. Mereka akan menunggu sehingga penutur semasa berhenti bercakap sebelum mengambil giliran seterusnya, atau akan meminta kebenaran penutur semasa atau pengerusi sewajarnya sebelum mengambil giliran. Apakah celahan atau sikap tidak mahu menyerahkan hak bercakap berlaku pada penutur yang lebih berkuasa? Persoalan-persoalan ini memerlukan satu kajian yang terperinci bagi melihat bentuk-bentuk celahan dan siapa yang kerap melakukan celahan.

1.5.4 Hipotesis Keempat

Hipotesis keempat bahawa terdapat strategi tertentu bagaimana penutur semasa menutup perbualan dan cara penutur menutup perbualan ini mungkin berbeza dengan perbualan sehari-hari. Walaupun perbualan sehari-hari bukan merupakan fokus kajian ini, perbandingan dapatan data perbualan kajian ini

dengan dapatan perbualan sehari boleh dibuat dengan membandingkan dapatan data perbualan sehari oleh Tanaka (2000). Juga akan terdapat strategi tertentu bagaimana penutur semasa mengekalkan giliran bercakap supaya ujarannya tidak dicelah oleh penutur-penutur lain.

Penulis akan mengkaji aspek-aspek pengambilan giliran seperti pertindanan, celahan, strategi-strategi yang digunakan bagi mengekalkan giliran bercakap dan menutup perbualan, serta penggunaan *aizuchi*. Ini akan membolehkan kita memahami ciri-ciri utama perbualan bahasa Jepun dan dengan ini dapat membantu kita memahami sifat bahasa atau budaya bangsa Jepun yang terselit di sebalik bahasa mereka yang indah dan unik.

1.6 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini adalah mencakupi perbualan di dalam bahasa Jepun oleh penutur asli bahasa Jepun. Limitasi kajian adalah berdasarkan konteks diskusi di dalam rancangan televisyen Jepun oleh lelaki Jepun. Keadaan ini adalah tidak dapat dielakkan kerana golongan lelaki Jepun adalah lebih dominan dan mereka lebih menguasai pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan sebagainya.

Topik perbincangan juga adalah secara formal dan perbincangan juga dijalankan secara serius. Peserta-peserta di dalam diskusi ini juga adalah warganegara Jepun yang berstatus tinggi iaitu ahli politik yang memegang

jawatan tertinggi parti dan pemimpin kerajaan. Mereka juga sering keluar di dalam rancangan televisyen atau media massa yang lain.

Terdapat juga seorang wanita (G) di dalam diskusi ini. Oleh kerana penulis telah menghadkan kepada kajian perbualan ke atas lelaki sahaja maka segala ujaran atau ciri-ciri perbualan peserta wanita ini tidak akan diambil kira. Oleh itu haruslah diingatkan bahawa peserta di dalam diskusi ini mewakili sebilangan kecil orang Jepun yang berstatus tinggi yang membincangkan tentang politik semasa dan ekonomi Jepun.

Hasil dapatan nanti mungkin menunjukkan kelainan jika dibandingkan dengan teori atau dapatan kajian pengkaji lain sebelum ini. Oleh itu dapatan kajian ini mungkin akan membuka pemikiran dan idea baru mengenai interaksi lisan di dalam bahasa Jepun.

Oleh kerana NHK merupakan saluran awam, maka perbincangan ini lebih tertib atau berperaturan berbanding dengan diskusi terbitan televisyen swasta. Ini kerana di Jepun, imej saluran NHK adalah tinggi kerana dibiayai melalui kutipan wang rakyat. Saluran ini tidak menyiaran sebarang iklan atau skandal seperti saluran televisyen swasta. Ia mempunyai tanggungjawab sosial yang lebih berat terhadap masyarakat berbanding saluran televisyen lain kerana

dibiayai sepenuhnya oleh rakyat. Keadaan ini juga disebabkan topik perbincangan yang serius berkenaan dengan hala tuju politik dan dasar-dasar negara.

Oleh kerana objektif kajian adalah untuk melihat struktur perbualan sahaja dan bukan membuat kajian terhadap prosodi secara khusus, maka prosodi tidak akan dibincangkan secara terperinci di dalam kajian ini. Penulis akan menggunakan istilah ‘intonasi’ bagi menunjukkan kepentingan prosodi di dalam perbualan. Ini kerana intonasi turut memberi mesej dan mempunyai fungsi tertentu di dalam perbualan.

Transition Relevance Place atau TRP yang ditunjukkan di dalam transkripsi (terutama di dalam Bab 4) menampilkkan celahan melalui tanda koma [(.) di dalam transkripsi rumi dan bahasa Melayu, atau [(,) di dalam transkripsi bahasa Jepun]. Tanda koma tersebut digunakan berdasarkan sistem transkripsi oleh Usami (2000) yang mengatakan tanda koma tersebut sudah memadai bagi menunjukkan satu ujaran atau satu ayat masih belum selesai. Penerangan lanjut mengenai kaedah transkripsi boleh didapati di dalam Bab 3.

Analisis kajian ini dilakukan berdasarkan pendekatan etnografi dengan mengambil kira bentuk komunikasi seseorang merupakan sebahagian daripada budaya. Istilah ‘budaya’ tidak hanya menjurus kepada budaya sesuatu bangsa tetapi juga membawa maksud budaya sesuatu masyarakat, kelompok, keluarga

mahupun diri seseorang. Ini kerana budaya merupakan cara hidup yang berasaskan kepada pengalaman seseorang. Oleh itu budaya setiap individu di dalam sesuatu masyarakat, kelompok atau keluarga akan berbeza. Kajian ini bukan sahaja berdasarkan perbualan peserta semata-mata tetapi juga menjurus kepada perlakuan peserta dan budaya Jepun. Ini merupakan langkah yang penting kerana kajian ini berdasarkan pragmatik yang mana pelbagai konteks yang menyelubungi peserta seperti budaya, nilai, kepercayaan, tahap pendidikan, kerjaya, jawatan yang disandang, masa, pengalaman, kedudukan di dalam parti, sejarah hidup dan sebagainya turut memberi kesan kepada tingkah laku dan corak perbualan.

1.7 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat struktur pengambilan giliran oleh penutur asli bahasa Jepun. Penulis ingin melihat bagaimana seseorang itu mengambil giliran bercakap semasa sesuatu diskusi itu berlangsung. Kajian ini juga bertujuan melihat corak penggunaan dan fungsi celahan serta pertindanan dengan terperinci.

Hasil daripada pengamatan penulis terhadap dapatan data perbualan itu nanti diharap akan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah strategi yang digunakan oleh Pengerusi perbincangan dan peserta lain apabila ingin mengambil giliran?
2. Apakah peranan celahan di dalam perbualan bahasa Jepun?
 - a. Apakah celahan dilakukan oleh peserta dari kumpulan berlawanan sahaja atau sebaliknya?
 - b. Adakah ia merupakan satu gangguan kepada peserta-peserta lain?
3. Bagaimanakah pertindanan di dalam perbualan bahasa Jepun berlaku?
4. Apakah strategi yang digunakan untuk mengekalkan giliran bercakap?
5. Adakah terdapat strategi seseorang penutur untuk menutup perbualannya sendiri?
6. Apakah strategi yang digunakan oleh Pengerusi untuk menutup ujaran para peserta?
7. Apakah jenis-jenis *aizuchi* dan berapakah kekerapan penggunaannya di dalam bahasa Jepun?
8. Apakah peranan *aizuchi* dan bolehkah *aizuchi* ini dikelaskan mengikut fungsi yang tertentu?

1.8 Kepentingan Kajian

Negara Jepun memang terkenal dengan bahasanya yang indah dan budaya yang agak unik berbanding dengan negara lain. Adalah menarik untuk mengetahui bagaimana bangsa Jepun yang mempunyai berbagai bentuk bahasa halus seperti bahasa sopan, bahasa merendah diri, dan bahasa hormat memberikan mesej kepada pihak lain.

Orang Jepun memang terkenal dengan bahasanya yang mempunyai konotasi ketidakpastian. Kita mungkin boleh menganggap mereka sebagai bangsa yang hipokrit kerana tidak memaksudkan apa yang dikatakan mereka. Sebaliknya kita juga boleh menganggap mereka sebagai bangsa yang lemah lembut dan bersopan kerana pandai menggunakan bahasa untuk tidak mengecewakan kita demi menjaga perhubungan yang harmoni.

Penulis mencadangkan satu kajian terhadap analisis perbualan bahasa Jepun oleh penutur asli bahasa Jepun. Ini kerana seperti yang telah dikatakan sebelum ini, dunia adalah global dan semakin hari menjadi semakin sempit. Maka adalah penting bagi pengkaji tempatan untuk meneroka bahasa dan budaya yang lain selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Lagipun, semua bahasa sama penting termasuklah bahasa masyarakat asli (Nik Safiah, 1992) kerana bahasa merupakan khazanah ilmu. Ia akan menyumbang kepada kajian-kajian yang akan datang.

Bahasa Jepun juga merupakan salah satu bahasa asing yang popular bukan sahaja bagi pelajar universiti tetapi juga pelajar sekolah menengah. Kita juga tidak dapat membelakangkan hakikat bahawa Pengajian Jepun atau Pengajian Bahasa Jepun di universiti-universiti tempatan akan berkembang dengan pesat.

Kajian ini adalah amat penting kerana setakat ini tidak banyak kajian dilakukan ke atas penutur asli bahasa Jepun oleh pengkaji tempatan. Walaupun terdapat pengkaji berbangsa Jepun turut membuat kajian ke atas perbualan bahasa mereka namun data kajian yang diambil adalah daripada perbualan perorangan dan juga perbualan melalui telefon.

Penulis memilih untuk membuat kajian ini, sebagai pengkaji tempatan pertama yang mengkaji analisis perbualan penutur asli bahasa Jepun di dalam konteks wacana perbincangan. Sebelum ini Suraiya (1998), telah pun melakukan kajian terhadap kesopanan oleh penutur asli bahasa Jepun dan penutur Melayu berbahasa Jepun dalam konteks komunikasi antara budaya.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan setakat ini adalah bersandarkan pada perbualan masyarakat Malaysia dan belum ada sebarang kajian pengambilan giliran terhadap penutur asing. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji berbangsa Jepun pula berfokuskan kepada perbualan perorangan atau perbualan melalui telefon yang hanya memerlukan ayat atau ujaran yang pendek. Setakat ini penulis belum

menjumpai kajian perbualan bahasa Jepun terhadap perbualan perorangan atau berkumpulan yang memerlukan ujaran yang panjang dan melibatkan tokoh-tokoh politik Jepun.

Dengan membuat kajian ke atas perbualan perbincangan seperti ini, perbezaan di antara perbualan perbincangan dengan perbualan pendek Tanaka (2000), akan dapat dilihat dengan lebih jelas. Bila, bagaimana dan *aizuchi* yang bagaimana diujarkan oleh pendengar dan apakah *aizuchi* mempunyai fungsi khusus yang lain? Semua ini memerlukan pengkaji mempelbagaikan data kajian supaya kajian kita dapat berfungsi sebagai rujukan pengkaji seterusnya.

Pengambilan giliran yang merupakan unit asas sesuatu perbualan boleh menyebabkan celahan dan pertindanan. Sebagai pengkaji kita perlu melihat bagaimana dan mengapakah celahan dan pertindanan berlaku. Kita juga perlu melihat bagaimana aspek-aspek lain seperti umur, situasi, latar belakang, kedudukan sosial seseorang di dalam sesuatu masyarakat mempengaruhi corak perbualan. Selain dari itu, perbezaan bangsa, bahasa dan budaya turut menyumbang kepada kelainan corak perbualan sesuatu masyarakat seperti bangsa Jepun misalnya yang dikenali sebagai 'pendengar yang taat' dan penggunaan *aizuchi* yang meluas oleh mereka. Dapatan kajian oleh pengkaji tempatan dan luar negeri mengenai pengambilan giliran dan *aizuchi* boleh didapati di dalam Bab 2. Penulis berharap hasil kajian ini akan dapat menambah khazanah ilmu

untuk kegunaan pengkaji bahasa pada masa hadapan sama ada kajian itu dilakukan terhadap bahasa Jepun atau bahasa lain.

Menurut Schegloff (1999),

The deep and intimate relation between language and talking in interaction is such that it is not implausible to think that bringing this sort of attention [material base] to it may yield observations that are of value to understanding language itself and not just its embodiment in interaction.

(Schegloff, 1999:142)

Kajian perbualan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris oleh pengkaji tempatan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris telah banyak terdapat di Malaysia tetapi kajian dalam bahasa Jepun dan bahasa-bahasa lain masih berkurangan.

Menurut Firth (1957),

Neither linguists nor psycholinguists have begun the study of conversation; but it is here we shall find the key to a better understanding of what language really is and how it works.

(Firth, 1957: 32)

Pernyataan oleh Firth di atas menunjukkan betapa pentingnya kajian analisis perbualan bagi memahami budaya sesuatu masyarakat. Kesedaran terhadap kepentingan analisis perbualan sudah wujud sejak tahun 1950an lagi.

Pemahaman kita mengenai bahasa dan sifat bahasa menunjukkan juga pemahaman kita terhadap budaya dan pemikiran sesuatu masyarakat. Ini kerana bahasa itu sendiri lahir daripada budaya masyarakat tersebut. Pandangan dunia yang berlainan mewujudkan budaya yang berlainan dan melahirkan bahasa yang berlainan.

Kajian bahasa melalui perbualan boleh memberi pengetahuan asas tentang dunia dan pemikiran sesuatu bangsa itu. Kajian ke atas analisis perbualan adalah amat penting bukan sahaja bagi mengkaji cara bertutur individu yang sama bangsa tetapi juga bangsa yang berlainan. Ini dapat memberikan seseorang pengkaji satu rujukan dan teori bagaimana untuk berinteraksi dan memahami budaya yang berbeza. Ia penting bukan sahaja kepada pengkaji bahasa sahaja tetapi juga masyarakat umum di mana pada zaman global ini, seseorang semakin terdedah kepada masyarakat asing yang datang dengan pelbagai tujuan di Malaysia.

Kepentingan bahasa Inggeris tidak dapat dinafikan, namun bahasa Jepun, bahasa satu bangsa yang menguasai ekonomi dunia pada hari ini tidak tenggelam dan terus berdiri megah seiring dengan kepentingan bahasa Inggeris.

Kajian penulis ini amat signifikan kerana ia merupakan kajian perbualan bahasa Jepun yang pertama dari segi pengambilan giliran, celahan, pertindanan dan *aizuchi* di Malaysia. Data perbualan yang dikutip dari perbincangan ahli

politik yang kebanyakannya berumur 40an ke atas dan daripada golongan yang berstatus tinggi adalah amat relevan bagi kajian ini kerana golongan ini mewakili penutur asli bahasa Jepun yang melingungi peringkat umur matang dan bahasa yang digunakan oleh mereka adalah bahasa Jepun yang masih asli, iaitu tidak tercemar oleh loghat, idiolek atau perkataan baru. Keadaan ini berbeza dengan golongan lebih muda yang gemar menggunakan loghat, idiolek dan perkataan yang baru dicipta di kalangan mereka.

Walaupun bahasa muda mudi ini sama penting sebagai satu kajian akademik, namun masa ini adalah masa yang terbaik untuk mengkaji golongan berumur kerana di masa hadapan nanti, golongan muda mudi inilah yang akan menggantikan tempat mereka. Oleh itu, besar kemungkinan golongan muda mudi dan golongan umur pertengahan akan menggunakan ciri-ciri bahasa yang tidak ‘asli’ seperti yang telah dinyatakan di atas dalam masa 10 atau 20 tahun dari sekarang. Ini akan menyebabkan perbualan di dalam bahasa Jepun ‘asli’ akan lebih sukar ditemui untuk dibuat kajian.

Penulis memilih untuk mengkaji perbincangan politik kerana kemungkinan untuk mendapatkan ciri-ciri perbualan seperti penggunaan ‘kuasa’, *aizuchi* dan strategi perbualan adalah lebih besar berbanding perbincangan lain. Lagipun, kajian ke atas perbincangan politik oleh pengkaji tempatan adalah masih berkurangan.

1.9 Penutup

Bab ini telah memberikan objektif kajian, kepentingan kajian serta gambaran sepantas lalu politik dan sistem pilihan raya Jepun. Jelas menunjukkan bahawa adalah penting dan relevan untuk kita membuat kajian terhadap perbualan bahasa asing seperti bahasa Jepun kerana dapatan kajian bukan sahaja boleh menunjukkan ciri-ciri budaya bangsa asing tersebut yang tersirat di sebalik bahasa yang mereka guna, tetapi juga perbezaan budaya asing dengan budaya Malaysia amnya dan budaya Melayu khasnya.